

SOALAN NO: 395

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

SOALAN:

Tuan Idris bin bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI Sumber Manusia** menyatakan jumlah majikan yang telah diambil tindakan kerana membayar gaji yang rendah kepada pekerja asing yang telah mengakibatkan peluang pekerja tempatan semakin terhad.

PR-1343-T76255

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah mewartakan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2012 berkuatkuasa pada 1 Januari 2013. Perintah ini menetapkan gaji minimum sebanyak RM900.00 bagi Semenanjung Malaysia dan sebanyak RM800.00 bagi Sabah dan Sarawak. Setelah kajian semula gaji minimum dijalankan, Kerajaan telah menaikkan kadar

gaji minimum sebanyak RM1,000.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan sebanyak RM920.00 bagi Sabah dan Sarawak berkuatkuasa pada 1 Julai 2016 sekaligus membatalkan PGM 2012. Penetapan gaji minimum ini bertujuan untuk memastikan semua pekerja tempatan mahupun pekerja asing dibayar sekurang-kurangnya dengan kadar yang telah ditetapkan.

2. Antara mekanisma penguatkuasaan yang dijalankan untuk memastikan perintah gaji minimum 2016 dipatuhi oleh majikan ialah melalui aktiviti pemeriksaan statutori yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja(JTK) dan operasi gaji minimum yang dijalankan oleh Pasukan Khas Penguatkuasaan ke atas syarikat-syarikat di seluruh Negara. Pelanggaran atau ketidakpatuhan PGM 2016 oleh majikan, pendakwaan dijalankan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]. Kegagalan majikan merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) bagi setiap pekerja.

3. Berikut adalah aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh (JTK) setakat 31 Ogos 2016 iaitu:

- i. Jumlah **pemeriksaan berkanun** yang telah dilaksanakan oleh JTK adalah sebanyak **113,514** dan daripada jumlah tersebut didapati **112,057 (99%)** majikan telah melaksanakan gaji minimum;

- ii. Jumlah **tuntutan kes buruh** berkaitan gaji minimum yang telah difailkan adalah sebanyak **1,855 kes** dan daripada jumlah tersebut sebanyak **549 (30%)** telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan baki kes masih dalam tindakan jabatan;
- iii. Jumlah **aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum** pula adalah sebanyak **2,046** aduan dan daripada jumlah ini sebanyak **1,997 (98%)** telah diselesaikan;
- iv. berkenaan dengan **tindakan pendakwaan kerana kegagalan majikan membayar gaji minimum**, sebanyak **328** kertas pendakwaan telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU). Daripada jumlah ini, sebanyak **219 majikan** telah disabitkan kesalahan dan **sejumlah RM362,600.00 denda telah dikenakan**. Bakinya sebanyak **172 kes** masih dalam perbicaraan; dan
- v. Jumlah **kes pertikaian perusahaan melibatkan gaji minimum adalah** sebanyak **62 kes** yang melibatkan 9,090 **pekerja**. Daripada jumlah ini, sebanyak **18 (29%) kes** telah diselesaikan melalui rundingan damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan, sebanyak **39 (63%) kes** telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan dan sebanyak **5 (8%) kes** masih dalam tindakan akhir Jabatan .

Tuan Yang Di Pertua,

4. Mengikut rekod kementerian, PGM 2012 yang memperuntukkan gaji minimum sebanyak RM900.00 bagi Semenanjung Malaysia dan sebanyak RM800.00 bagi Sabah dan Sarawak, sebanyak 46 kertas siasatan telah dibuka dan pendakwaan telah dijalankan ke atas majikan, hanya 4 kes(9%) adalah melibatkan pekerja warga asing. Manakala bagi PGM 2016 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2016, 1 kertas siasatan telah dibuka di mana ianya melibatkan kegagalan majikan membayar gaji minimum kepada pekerja tempatan.